



MALAI YUNUS MALAI YUSOF

## Sejarah Kedatangan Masyarakat India dan Pelibatan Awal dalam Sosio-Ekonomi di Negara Brunei Darussalam

**IKHTISAR:** Artikel ini adalah satu kajian sejarah mengenai kejayaan peniaga India dalam bidang perniagaan di Negara Brunei Darussalam. Pertapakan peniaga India semakin ketara, khususnya menjelang tahun 2000, apabila mereka telah menguasai beberapa bidang perniagaan, terutamanya tekstil. Sejarah migrasi yang cukup panjang telah meletakkan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India, yang bermula dari buruh, pembantu kedai, sehinggalah kepada pemilik perniagaan yang berjaya. Kejayaan mereka juga dapat diukur melalui keupayaan dalam mengambil-alih beberapa bidang perniagaan, seperti runcit, kedai jahit, dan gunting rambut, yang sebelumnya dikuasai oleh peniaga China. Melalui kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, kajian perpustakaan, dan temubual, kajian ini telah merungkai perjalanan sejarah sosio-ekonomi masyarakat India di Brunei. Kajian telah mendapati bahawa sikap ingin belajar selok-belok perniagaan daripada majikan, sikap kegigihan, serta nilai kesatuan telah membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri, seterusnya berjaya menjadi komuniti peniaga yang disegani. Dapatan kajian ini diharap dapat dimenafaatkan oleh pihak kerajaan, usahawan Melayu, pengkaji lain, serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang sosio-ekonomi di Brunei Darussalam.

**KATA KUNCI:** Sejarah Migrasi Kaum India; Kaum India di Brunei; Aktiviti Sosio-Ekonomi; Kejayaan dalam Perniagaan.

**ABSTRACT:** "History of Indian Arrival and Early Involvement in Socio-Economics in Brunei Darussalam". This paper examines the Indian business success in Brunei Darussalam based on historical perspective. Indian traders have increasingly gaining attention, especially by the year 2000, with their ability to expand business segments, including their textile business monopoly. The long history of migration has positioned their socio-economic activity, which started as laborer and shop assistants for Chinese or Malay business people to successful business owners. Their success also can be measured through ability to acquire several business segments, such as retail, tailor-made shops, and barbers, formerly dominated by Chinese traders. Through historical method, qualitative approach, library research, and interviews, this study has revealed the socio-economic history and business journey of the Indian community in Brunei. Their positive attitude to learn the intricacies of the business, their persistence, and strong community values have enable them to start their own business, thus succeeding in becoming a well respected business community. It is hoped that the findings from this study can be utilized by the government, Malay business community, researchers, and other stakeholders in the socio-economics field in Brunei Darussalam.

**KEY WORD:** The History of Indian Migration; Indian in Brunei; Socio-Economic Activity; Business Success.

**About the Author:** Dr. Malai Yunus Malai Yusof ialah Pensyarah dan Penyelidik pada CCTL UTB (Centre for Communication Teaching and Learning, Universiti Teknologi Brunei), Jalan Tungku Link, Gadong BE1410, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui emel di: [dryunus.yusof@utb.edu.bn](mailto:dryunus.yusof@utb.edu.bn)

**Suggested Citation:** Yusof, Malai Yunus Malai. (2020). "Sejarah Kedatangan Masyarakat India dan Pelibatan Awal dalam Sosio-Ekonomi di Negara Brunei Darussalam" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(1), March, pp.43-62. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

**Article Timeline:** Accepted (October 28, 2019); Revised (December 27, 2019); and Published (March 30, 2020).

## PENDAHULUAN

Kajian ini akan menjejaki sejarah awal kedatangan masyarakat India ke Asia Tenggara dan seterusnya ke Negara Brunei Darussalam; dan penglibatan awal mereka didalam sosio-ekonomi negara ini. Didalam tulisan ini juga dimuatkan beberapa statistik dan data untuk mendokong distribusi penglibatan awal masyarakat India didalam aktiviti ekonomi di Brunei. Perbincangan tertumpu mengenai penglibatan awal mereka didalam aktiviti perniagaan, yang menjurus kepada perniagaan tekstil.

Dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, sorotan literatur, dan temubual (Creswell, 1994; Howell & Prevenier, 2001; Zed, 2004; dan Haryanto, 2011), makalah ini menyoroti pemerihalhan: (1) *Sejarah Kedatangan Masyarakat India ke Asia Tenggara*; (2) *Kedatangan Masyarakat India ke Brunei Darussalam*; (3) *Zaman Residen di Brunei dan Kaitannya dengan Kedatangan Masyarakat India*; (4) *Penemuan Minyak sebagai Penyumbang Utama Ekonomi Brunei*; (5) *Masyarakat India dan Transisi Awal Mereka daripada Buruh kepada Peniaga*; serta (6) *Hubungan Tekstil dengan Masyarakat Brunei pada Tahap Awal dan Masyarakat India Selanjutnya di Brunei*.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

***Sejarah Kedatangan Masyarakat India ke Asia Tenggara.*** Menurut F.R. Augier, S.C. Gordon & D.G. Hall (1979), dan sarjana lainnya, proses Indianisasi merupakan satu proses penyebaran tamadun dari India ke negara-negara Asia Tenggara, yang dicatatkan telah berlaku seawal I Masehi. Indianisasi wujud apabila para pedagang, yang disusuli oleh ahli-ahli agama India, datang ke pelabuhan-pelabuhan di sekitar Asia Tenggara untuk berdagang dan seterusnya menyebarkan agama Hindu dan Buddha. Secara amnya, Indianisasi

mempunyai pengaruh yang sangat kuat kepada politik, ekonomi, dan juga sosial masyarakat di Asia Tenggara, walaupun ianya telah berlaku bukan secara paksaan (Augier, Gordon & Hall, 1979; Smith, 1999; dan Indradjaja & Hardiati, 2014).

Kesan-kesan Indianisasi terhadap politik dan sosial masyarakat rantau ini masih dapat dilihat sehingga ke hari ini. Di Brunei sendiri, pengaruh India yang begitu kuat jelas, umpamanya, melalui gelaran-gelaran para pembesar, seperti: *Pekerma Dewa*, *Seri Maharaja*, dan banyak lagi yang berasal dari bahasa Sanskrit. Begitu juga dengan adat-istiadat yang masih diguna-pakai sehingga sekarang di kalangan masyarakat Melayu, umpamanya mandi berlawat, berpacar, dan sebagainya, yang merupakan warisan budaya Hindu dari India (Heine-Geldern, 1982; Rao, 2001; dan Mail, 2008).

Kajian ini sengaja menyebut proses “Indianisasi”, kerana hubungannya dengan peristiwa kedatangan orang-orang India ke Asia Tenggara, dan sekaligus membuktikan bahawa orang-orang India merupakan sebuah bangsa yang mempunyai tamadun awal yang hebat dan berjaya pula menyebarkan tamadun itu kepada masyarakat di rantau Asia Tenggara, sehingga ianya telah diterima tanpa sebarang paksaan. Dan yang paling penting adalah bahawa proses itu melibatkan golongan pedagang dari India, yang menunjukkan bakat semula jadi mereka didalam bidang perniagaan adalah diwarisi sejak turun-temurun lagi (Coedes, 1968; Basa, 1998; dan Rao, 2001).

***Kedatangan Masyarakat India ke Brunei Darussalam.*** Pada abad ke-17 M (Masihi), ketika kepulauan Borneo terkenal kerana mempunyai kekayaan sumber alam, ahli sejarah hanya mencatatkan yang kekayaannya ini menjadi tarikan kepada pedagang-pedagang China dan Eropah. Kedatangan mereka adalah untuk

berdagang, terutamanya ke Brunei, yang pada ketika itu benar-benar berfungsi sebagai pelabuhan enterpot di Borneo (Zainun & Khaw eds., 2015; Rahman, 2016; dan Najtama, 2018).

Dalam laporan Jorge de Albuquerque, Kapten Portugis di Melaka (1521-1525) kepada King D. Joao III, pada tahun 1524 M, mengenai sejauhmana pentingnya negeri-negeri jajahan Brunei pada perdagangan di pelabuhannya pada kurun 16 M itu, beliau telah menyebutkan seperti berikut:

*[...] Kapur barus dari Borneo ini bukanlah kepunyaan Raja Borneo, tetapi kepunyaan Raja lain yang berada didalam Pulau Borneo, dan dia ialah pemerintah sendiri dan seorang kafir; tetapi Raja Borneo ialah orang Moor dan penduduk di sana juga Moor, dan orang-orang yang digelar "kafir" ini telah menghasilkan kapur barus dan menukarkannya dengan kain-kain yang pelbagai jenis, yang kesemuanya terdiri dari kain kapas yang dibawa dari Melaka dan yang diimport ke sana dari Cambay dan Bengal (dalam Rahman, 2008:77).*

Masyarakat India cuma mula disebut apabila Brunei menempuh zaman Residen pada tahun 1906, apabila pihak British telah mendatangkan buruh-buruh India bagi menampung keperluan tenaga buruh pada ketika itu. Buruh-buruh India ini diperlukan, terutamanya di ladang-ladang getah. Apabila Brunei mengalami perubahan ekonomi secara komersil, orang-orang India juga telah diambil oleh British sebagai pengawal keselamatan di gudang-gudang. Terdapat catatan mengenai adanya pengawal keselamatan berbangsa Sikh, yang bertugas di kilang *Island Trading Syndicate* (Sidhu, 1995:106; Periasamy, 2007; dan Azizi, 2018).

Terdapat juga catatan yang membuktikan perkara yang sama, iaitu mengenai orang India didatangkan secara rasmi apabila sebuah pondok Polis dibangunkan di Bandar Brunei, yang dianggotai oleh beberapa orang

anggota Polis yang berbangsa Sikh dan Pathan. Kenyataan ini menunjukkan terdapatnya hubungan erat antara Kerajaan British dengan India, yang pada ketika itu adalah tanah jajahan mereka (Sandhu & Mani, 1993; Sidhu, 1995; dan Azizi, 2018).

Gelaran orang India di Brunei pada abad ke-20, secara amnya, merujuk kepada semua mereka yang berasal dari India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka atau Ceylon, dan Nepal. Orang India adalah merupakan kaum pendatang kedua teramai yang menetap di Brunei, dimana jumlah mereka telah bertambah daripada hanya 99 orang pada tahun 1911 kepada 5,919 pada tahun 1981 (Sandhu & Mani, 1993; Singh *et al.*, 1997:70; dan Rabbani, 2013).

**Zaman Residen di Brunei dan Kaitannya dengan Kedatangan Masyarakat India.** Abad ke-19 M (Masihi) merupakan zaman kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba untuk meluaskan tanah jajahan mereka atas dorongan kepentingan ekonomi. Revolusi Industri, yang tercetus di Barat, sangat memerlukan bekalan bahan mentah. Ini telah mendorong kuasa-kuasa Barat, seperti Perancis, Belanda, British, dan Amerika Syarikat, untuk memulakan eksplorasi dan seterusnya eksploitasi ke negara-negara Asia Tenggara, yang terkenal sangat kaya dengan bahan-bahan mentah dan sumber alam semula jadi (Abernethy, 2000; Saunders, 2002; dan Arif, 2011).

Brunei juga pada ketika itu telah menerima nasib yang sama. Brunei sebagai sebuah negara kesultanan telah dicerobohi kedaulatannya, apabila atas kepentingan ekonomi, pihak British telah mencampuri hal ehwal politiknya. Perjanjian di antara Brunei dan Kerajaan British, yang dibuat pada tahun 1905/1906, telah meletakkan Brunei di bawah naungan British. Kerajaan British telah meletakkan pegawai-pegawai

**Jadual 1:**  
Jumlah Penduduk Brunei pada Tahun 1906

Kaum	Bilangan
Melayu Brunei	12,000 Orang
Kedayan	7,000 Orang
Bisaya	4,000 Orang
Murut	1,000 Orang
China	500 Orang
Lain-lain	500 Orang
<b>Jumlah</b>	<b>25,000 orang</b>

**Sumber:** Jatswan S. Sidhu (1995:102).

mereka untuk mengambil alih urusan pentadbiran, termasuk politik, ekonomi, dan sosial, kecuali urusan agama Islam (Hussainmiya, 2006; Rahman, 2008; dan Mail & Bakar, 2018).

Dalam konteks perkembangan ekonomi dan sosial pada zaman Residen British di Brunei, perlu didedahkan dua perkara penting, iaitu: (1) *Industri Getah di Brunei dan Kemasukan Buruh India*; dan (2) *Rancangan Pihak British untuk Menambah Kemasukan Buruh India*.

Pertamanya, *Industri Getah di Brunei dan Kemasukan Buruh India*. Didalam kesempatan yang terluang, pihak British telah bertapak dan berkuasa di Brunei, tentunya juga tidak akan melepaskan peluang untuk mengaut keuntungan menerusi sumber yang ada di bumi negeri Brunei ini. Antara sumber alam yang penting pada ketika itu adalah getah. Perkembangan permintaan getah dunia turut membabitkan Brunei sebagai salah sebuah negeri yang mempunyai potensi yang besar dalam membekalkan keperluan itu (Hussainmiya, 2006; Rahman, 2008; dan Kamis & Subramaniam, 2016).

Perkara ini juga telah disentuh oleh A.V.M. Horton (1984), sepertimana dipetik dalam Jatswan S. Sidhu (1995), yang berpendapat seperti berikut:

*The first comparatively major stimulus to the economy was provided by rubber in the mid-1920's: national revenue doubled between 1922 and 1927* (Horton, 1984).

**Terjemahan:**

*Rangsangan pertama yang relatif besar terhadap ekonomi diberikan oleh getah pada pertengahan tahun 1920-an: pendapatan negara meningkat dua kali ganda antara tahun 1922 dan 1927* (Sidhu, 1995:32).

Getah mula ditanam di Brunei pada tahun 1908 M (Masihi) oleh Tuan Haji Muhammad Daud. Pada masa yang sama, juga seorang pelabur Barat, bernama Abrahamson, menanam getah di ladangnya di Sungai Labuh, Temburong (Sidhu, 1995:35; dan Kamis & Subramaniam, 2016).

Hasil getah mula dikeluarkan bagi pertama kalinya pada tahun 1914, dan sebanyak lebih kurang 7,054 Ib telah mampu dieksport. Jumlah keluasan tanaman getah di Brunei pada tahun tersebut adalah sebanyak 2,200 ekar; dan dari jumlah itu sebanyak 1,245 ekar adalah kepunyaan pelabur Barat (Sidhu, 1995:102).

Pada tahap awal zaman naungan British di Brunei, iaitu sekitar tahun 1906, British menyedari mengenai potensi untuk membangun tanaman getah serta beberapa tanaman lain secara komersil amat terhad. Ini adalah kerana jumlah penduduk Brunei yang sangat kecil. Penduduk peribumi Brunei adalah kaum Melayu Brunei, Kedayan, Murut, Dusun, Dayak, dan beberapa lagi kaum etnik yang minoriti (Saunders, 2002; Hussainmiya, 2006; dan Ghofur, 2015). Anggaran jumlah penduduk Brunei pada tahun 1906



**Jadual 2:**  
Distribusi Orang India di Brunei pada Tahun 1931

Daerah	Jumlah	Lelaki	Wanita
Brunei	115	69	46
Muara	1	1	-
Temburong	10	8	2
Tutong	4	3	1
Belait	247	242	5
<b>Jumlah</b>	<b>377</b>	<b>323</b>	<b>54</b>

**Sumber:** K.S. Sandhu & A. Mani (1993).

adalah sepertimana dimuatkan dalam jadual 1.

Jumlah penduduk Brunei yang kecil ini menyebabkan British merasakan adanya keperluan untuk mendatangkan buruh luar, bagi menampung masalah kekurangan buruh. Tahun-tahun yang berikutnya menunjukkan terdapatnya banyak usaha pihak British ke arah ini. Terdapat catatan, dimana bermula pada tahun 1920, British telah membuat usul untuk mengambil buruh dari India bagi memenuhi keperluan tenaga pekerja di ladang-ladang getah. Terdapat juga satu catatan yang menyatakan kecenderongan pihak British untuk lebih mengutamakan buruh dari India, berbanding dengan buruh China dan Indonesia, oleh kerana kosnya yang lebih murah (Ramasamy, 1991; Sidhu, 1995; dan Mohamed, 2018).

Dalam konteks ini, A.H.M. Zehadul Karim (1999) menyatakan seperti berikut:

[...] *the British, during their colonial rule, preferred the Indians to the Javanese and Chinese, because it was not only easier to bring the Indians, but importing them was also cheaper than the Javanese and the Chinese* (Karim, 1999:16).

**Terjemahan:**

[...] British, semasa pemerintahan kolonial mereka, lebih suka orang India daripada orang Jawa dan China, kerana bukan sahaja lebih mudah membawa orang India, tetapi mengimportnya juga lebih murah daripada orang Jawa dan China.

Keduanya, *Rancangan Pihak British untuk Menambah Kemasukan Buruh India*. Kerajaan British telah meluluskan satu enakmen, yang dinamakan *Indian Immigration Enactment*, pada tahun 1923. Tindakan ini dipelopori oleh *Brunei United Plantations Limited* pada tahun 1925, yang telah menghantar seorang *Kangani* ke Singapura dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi mendapatkan buruh India. Langkah pihak British untuk mengambil buruh India dari negara jiran Singapura dan Negeri-negeri Bersekutu ini adalah bertujuan untuk menjimatkan kos pihak British, jika dibandingkan dengan pengambilan langsung dari negeri India (Sidhu, 1995:25; Morsidi, 2006/2007; dan Mohamed, 2018).

Terdapat juga catatan pada tahun 1926, dimana sebuah syarikat kepunyaan British, iaitu *Island Trading Syndicate*, telah menyarankan kepada kerajaan supaya mengambil buruh India. Ini dilakukan untuk mengatasi kekurangan tenaga buruh di ladang gambir seluas 2,000 ekar kepunyaan syarikat tersebut (Ramasamy, 1991; Sidhu, 1995; dan Mohamed, 2018).<sup>1</sup>

Hanya menjelang tahun 1928, baharulah kebanyakan pelabur Barat di Brunei menyertai *Indian Immigration Fund*, sebagai satu saluran membawa masuk buruh India. Akta ini telah dengan sendirinya menambah jumlah

<sup>1</sup>Lihat juga "BAR: Brunei Annual Report, 1954". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis, ms.5-7 dan 107.

kedatangan orang India ke Brunei (Sandhu & Mani, 1993; Rengasamey & Raja, 2012; dan Mohamed, 2018). Lihat jadual 2.

Jadual 2 menunjukkan sudah terdapat sebanyak 377 orang India dicatatkan di Brunei pada tahun 1931. Jadual 2 juga menunjukkan terdapatnya kaum wanita warga India, iaitu sebanyak 54 orang. Golongan wanita yang turut didatangkan adalah untuk memenuhi syarat *Indian Immigration Fund*, yang memerlukan pekerja ladang getah diambil bersama keluarganya (Sathivel, 2008; Rengasamey & Raja, 2012; dan Mohamed, 2018).

Buruh-buruh India yang dibawa masuk ke Brunei, secara berterusan ini, telah mengubah struktur masyarakat negeri Brunei, dimana sebelum Perang Dunia II (1939-1945) telah pun lahir sebuah masyarakat *kosmopolitan*.<sup>2</sup> Keadaan ini telah membahagikan penduduk Brunei kepada dua kategori utama: kaum Melayu Brunei sebagai majoriti beserta pribumi lain, seperti Kedayan, Murut, Dusun, dan Iban; manakala satu bahagian lagi adalah kaum imigran yang terdiri daripada masyarakat China, Eropah, dan India (Saunders, 2002; Hussainmiya, 2006; dan Ghofur, 2015).

**Penemuan Minyak sebagai Penyumbang Utama Ekonomi Brunei.** Kepesatan industri getah, yang pada mulanya telah menjana ekonomi Brunei, tidak bertahan lama apabila terjadinya kemelesetan ekonomi dunia pada awal tahun 1930-an. Kemerostan industri getah yang pada ketika itu menjadi tulang belakang ekonomi Brunei hampir menjejaskan ekonomi Brunei. Minyak telah membuka lembaran baru didalam sejarah Brunei, yang mana penemuannya telah menukar posisi Brunei sebagai sebuah negara

yang hampir papa-kedana menjadi sebuah negara yang kaya-raya (Sidhu, 1995:33; Kamis & Subramaniam, 2016; dan Bakar, 2018).

Perubahan status-ekonomi ini telah menyebabkan British mengubah sikap mereka terhadap Brunei. Jika sebelumnya negeri ini hanya menerima layanan seperti anak tiri, kini secara tiba-tiba status itu telah berubah pula kepada “anak emas”.<sup>3</sup> Sebenarnya, potensi minyak telah mula diketahui seawal tahun 1903, apabila minyak dijumpai secara tidak sengaja di lombong arang batu kepunyaan Rajah Sarawak, yang terletak di Pulau Berembang. Namun, kemuncak kejayaan pencarian minyak hanya ditempah oleh BMPC (*British Malayan Petroleum Company*),<sup>4</sup> iaitu pada 4 April 1929, apabila sebuah telaga minyak dijumpai di Seria, Belait (Sidhu, 1995:33; Hays, 2015; dan Bakar, 2018).

Pendapatan minyak merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negara, dimana royalti minyak yang diperolehi oleh kerajaan Brunei selama 28 tahun, iaitu dari tahun 1932-1959, adalah sebanyak \$340 juta (Sidhu, 1995:33; Hays, 2015; dan Bakar, 2018). Dalam konteks ini pula, perlu didedahkan dua perkara penting yang wujud hubung-kaitnya dengan: (1) *Kepesatan Industri Minyak sebagai Tarikan Kedatangan Migran*; dan (2) *Orang India sebagai Kaum Migran yang Kedua Terbesar*.

Pertamanya, *Kepesatan Industri Minyak sebagai Tarikan Kedatangan Migran*. Sebagai sebuah negara yang pesat ekonominya, setentunya, keadaan ini telah menjadi tarikan utama kepada pendatang asing untuk berhijrah ke Brunei, termasuklah orang-orang India. Yang menariknya pada kali ini, kedatangan masyarakat India, bukan lagi didatangkan oleh

<sup>3</sup>“Anak Emas” adalah satu peribahasa Melayu, yang bermakna anak yang paling disayangi.

<sup>4</sup>BPMC ialah *British Malayan Petroleum Company*, iaitu sebuah syarikat minyak milik British yang terlibat didalam urusan carigali minyak di awal tahun 1920-an.

**Jadual 3:**  
Buruh India yang Berkhidmat dengan BMPC (*British Malayan Petroleum Company*)

Tahun	Jumlah Orang India Bekerja di BMPC	Peratus Pekerja India bagi Keseluruhan Pekerja BMPC	Jumlah Kesemua Pekerja BMPC (Berlainan Bangsa)
1946	179	10.1	1,771
1949	329	7.1	4,614
1952	388	11.2	3,468
1953	522	12.8	4,087
1954	744	15.0	4,959
1955	677	15.7	4,320
1956	642	15.5	4,145
1957	490	14.5	3,384
1958	316	11.3	2,785
1959	219	8.6	2,550
1961	43	2.4	1,800
1962	32	2.1	1,541
1963	27	1.8	1,476
1964	25	1.6	1,598

**Sumber:** K.S. Sandhu & A. Mani (1993:2).

pihak British seperti sebelumnya, tetapi kedatangan mereka lebih kepada inisiatif sendiri, terutamanya atas faktor tarikan ekonomi Brunei yang semakin stabil (Morsidi, 2006/2007; Bakar, 2018; dan Mohamed, 2018). Kedatangan pekerja India untuk berkhidmat didalam industri minyak di Brunei, dicatatkan melalui jadual 3.

Penemuan telaga minyak baru di Jerudong, iaitu lebih-kurang 23 kilometer daripada Bandar Brunei pada tahun 1955, telah menyebabkan keperluan untuk tenaga buruh mahir, khususnya dari India meningkat.<sup>5</sup> Jadual 3 menunjukkan peningkatan buruh India didalam industri minyak. Tenaga buruh India meningkat sebanyak 7.1 peratus pada tahun 1949 sehingga berganda pada tahun 1955 (Sandhu & Mani, 1993; Morsidi, 2006/2007; dan Mohamed, 2018).

Pekerja India terus datang, walaupun pada tahun 1954, BMPC (*British Malayan Petroleum Company*) mencatatkan jumlah tertinggi bagi kesemua pekerja syarikat itu. Setelah tahun 1958, jumlah pekerja India telah

menurun, dimana pada tahun 1964 hanya terdapat sebanyak 1.6 peratus pekerja India dari jumlah keseluruhan. BMPC telah mengurangkan tenaga buruhnya pada tahun 1956, kerana mula mengambil syarikat swasta secara berkontrak. Sebagai contoh, pada tahun 1956, terdapat lebih 2,000 pekerja yang digaji oleh syarikat swasta berkontrak, yang berkerja di pelantar minyak (Sandhu & Mani, 1993:10; Hays, 2015; dan Bakar, 2018).

Menurut David Held & Anthony McGrew (1995) didalam konteks *Global Tranformation*, sepertimana dipetik juga oleh Jatswan S. Sidhu (1995), menjelaskan seperti berikut:

[...] it is clear that the late nineteenth century saw a large-scale movement of workers from India, China, Japan, and Java to the USA [United States of America], and to British, French, German, and Dutch colonies in Asia, Africa, and the Carribean. This was truly a global migration (Held & McGrew, 1995).

**Terjemahan:**

[...] jelas bahawa akhir abad kesembilan belas menyaksikan pergerakan pekerja besar-besaran dari India, China, Jepun, dan Jawa ke AS [Amerika Syarikat], dan ke koloni Inggeris, Perancis, Jerman, dan

<sup>5</sup>Lihat pula, contohnya, "State of Brunei Annual Report 1955". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.

**Jadual 4:**  
Jumlah Pekarja Asing yang Berkhidmat di Negara Brunei Darussalam  
dari Tahun 1922 hingga 1959

Pekerja Tahun	China	India	Jawa	Iban/Dayak	Eurasians	Europeans	Lain-Lain	Jumlah
1922	122	-	77	-	-	-	-	199
1923	129	-	117	-	-	-	-	246
1924	-	-	-	-	-	-	-	-
1925	34	<b>44</b>	126	-	-	-	-	204
1926	54	<b>121</b>	152	-	-	-	21	327
1927	151	<b>427</b>	161	-	-	-	35	774
1928	102	<b>200</b>	87	-	-	-	35	389
1929	315	<b>311</b>	149	-	-	-	-	777
1930	427	<b>310</b>	75	-	-	-	-	826
1931	399	<b>165</b>	-	-	-	-	-	590
1932	951	<b>163</b>	53	-	-	-	-	1249
1933	536	<b>126</b>	-	-	-	-	-	662
1934	592	<b>160</b>	43	-	-	-	-	795
1935	555	<b>156</b>	61	-	-	-	-	772
1936	552	<b>107</b>	42	-	-	-	-	701
1937	607	<b>143</b>	41	-	-	-	-	791
1938	-	-	-	-	-	-	-	-
1939	682	<b>215</b>	32	-	-	-	-	929
1940	632	<b>164</b>	23	-	-	-	-	819
1946	519	<b>180</b>	44	-	10	-	-	753
1947	-	-	-	-	-	-	-	-
1948	1,146	<b>218</b>	89	-	22	-	-	1,475
1949	1,365	<b>330</b>	106	910	15	-	-	2,726
1950	1,273	<b>377</b>	90	770	11	-	-	2,521
1951	1,031	<b>388</b>	70	404	15	-	-	1,908
1952	1,524	<b>522</b>	71	489	-	978	15	3,599
1953	1,695	<b>713</b>	51	718	-	1,182	12	4,371
1954	1,824	<b>744</b>	50	573	-	1,277	24	4,492
1955	1,498	<b>677</b>	55	487	-	1,308	12	4,037
1956	1,349	<b>642</b>	55	437	-	1,327	18	3,828
1957	1,150	<b>490</b>	62	245	-	1,345	14	3,306
1958	929	<b>316</b>	62	156	-	1,179	7	2,649
1959	837	<b>219</b>	51	147	-	1,169	7	2,430

**Sumber:** Dikenalpasti dan disemak semula daripada Noralipah binte Mohamed (2000/2001); dan Siti Nur 'Afiqah binti Haji Awang Morsidi (2006/2007:38).

*Belanda di Asia, Afrika, dan Carribean. Ini benar-benar merupakan penghijrahan global (Sidhu, 1995:36).*

Kenyataan ini mendokong tentang terdapatnya fenomena migrasi secara besar-besaran, yang telah mula berlaku pada akhir abad ke-19 M (Masihi). Penduduk-penduduk yang bermigrasi adalah penduduk dari India, China, Jepun, dan Jawa (Indonesia) ke negara-negara Asia, Afrika, dan Carribean di bawah jajahan takluk kuasa-kuasa Barat, seperti British, Perancis,

Jerman, dan Belanda. Kenyataan ini juga turut mendokong bahwa Brunei, setentunya, menerima kedatangan kaum migran, khususnya orang-orang India dan China, yang pada ketika itu cuba untuk mencari peluang-peluang pekerjaan (Held & McGrew, 1995; Sidhu, 1995; dan Mohamed, 2018).

Keduanya, *Orang India sebagai Kaum Migran yang Kedua Terbesar.* Kehadiran kaum India ke Brunei terus meningkat atas faktor migrasi yang berterusan. Tarikan kegiatan



ekonomi, khususnya dalam peluang-peluang pekerjaan yang tersedia di negara Brunei ini, telah mengundang kedatangan mereka (Mohamed, 2000/2001; Morsidi, 2006/2007; dan Mohamed, 2018). Peningkatan ini dicatatkan melalui jadual 4.

Jadual 4 menunjukkan statistik kedatangan pekerja asing ke Brunei dari tahun 1922 sehingga 1959 untuk kegiatan ekonomi. Jadual menunjukkan bahawa kaum India adalah golongan ke dua terbesar bilangannya selepas kaum China. Fenomena ini adalah disebabkan kaum China lebih awal bertapak di Brunei; dan ianya dapat dibuktikan menerusi catatan yang menyatakan sudah terdapat orang China di Brunei sebelum zaman Residen lagi (Saunders, 2002; Yusof, 2015; dan Mohamed, 2018).

Perkara ini dijelaskan oleh Peter Blundell (1923), sepertimana dipetik dalam "BAR: Brunei Annual Report, 1934-1937", iaitu bahawa:

*Among the foreigners resident in Brunei, the most important are the Chinese. The Chinese with capital who own the shops and conduct various industrial and commercial enterprises are most of them are Hokkien Clan (Blundell, 1923).*

**Terjemahan:**

*Di antara orang asing yang menetap di Brunei, yang paling penting adalah orang China. Orang China yang mempunyai modal yang memiliki kedai dan menjalankan pelbagai perusahaan perindustrian dan komersial adalah sebahagian besar dari mereka merupakan Keluarga Hokkien.<sup>6</sup>*

Kemajuan yang dicapai didalam ekonomi dan pembangunan di Brunei, pada tahun 1950-an, telah mendorong kepada lebih ramai lagi kemasukan migran. Pada tahun 1953 sahaja, contohnya, terdapat seramai 10,040

<sup>6</sup>Lihat "BAR: Brunei Annual Report, 1934-1937". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.

orang China daripada anggaran jumlah penduduk seramai 54,109 orang. Masyarakat Eropah juga kian bertambah dan pada tahun 1953, jumlah mereka adalah seramai 800 orang, hampir kesemua daripada mereka bekerja dengan syarikat minyak di Seria dan Kuala Belait. Dalam konteks ini, "BAR: Brunei Annual Report, 1954", menyatakan bahawa mereka adalah:

*[...] probably one of the largest and most compact European community in South-East-Asia.<sup>7</sup>*

**Terjemahan:**

*[...] mungkin salah satu komuniti Eropah terbesar dan padat di Asia Tenggara.*

Terdapat juga catatan-catatan yang menyatakan kepesatan industri minyak dan telah mendorong lebih ramai kedatangan kaum migran ke Brunei. Dalam konteks ini, L.W. Jones (1966) menyatakan seperti berikut:

*[...] Brunei in particular must have received many immigrants before 1954, that being precisely the year of highest employment at the oilfield (Jones, 1966:74).*

**Terjemahan:**

*[...] Brunei khususnya telah menerima ramai pendatang sebelum tahun 1954, yang merupakan tahun pekerjaan tertinggi di ladang minyak.*

Daripada kenyataan-kenyataan di atas dapatlah dirumuskan bahawa telah wujud kaum asing dalam masyarakat peribumi, khususnya kaum China, Eropah, dan India berikutan proses migrasi ke Brunei. Kedatangan mereka adalah atas dorongan kepesatan ekonomi, terutamanya industri minyak. Namun begitu, tidak banyak terdapat catatan

<sup>7</sup>Lihat juga, contohnya, "BAR: Brunei Annual Report, 1954". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis, ms.5-7; dan "BAR: Brunei Annual Report, 1953-1958". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.

mengenai penglibatan kaum India didalam perniagaan, seperti yang dicatatkan mengenai kaum China (Saunders, 2002; Yusof, 2015; dan Mohamed, 2018).

Ini menunjukkan bahawa kaum India yang datang ke Brunei hanya bekerja sebagai buruh di beberapa sektor ekonomi, yang terdapat pada ketika itu. Kaum China Hokkien dikatakan lebih awal terlibat didalam perniagaan, seperti yang dinyatakan di atas, juga memungkinkan terdapatnya kaum India yang diambil bekerja sebagai pembantu kedai. Dan ini merupakan satu pendedahan awal bagi kaum India kepada alam perniagaan (Blundell, 1923; Morsidi, 2006/2007; dan Mohamed, 2018).

**Masyarakat India dan Transisi Awal Mereka daripada Buruh kepada Peniaga.** Zaman Pra-Perang Dunia II (1939-1945), migrasi orang India ke Brunei adalah disebabkan oleh penemuan minyak di Seria, pada tahun 1929. Sektor lain yang mendorong kedatangan mereka adalah pembangunan yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya dan kebun-kebun getah. Selain itu, pertumbuhan penduduk di Brunei juga telah mendorong penghijrahan orang India, khususnya untuk membuka perniagaan, seperti di Seria, Kuala Belait, dan Bandar Brunei, yang mana pada ketika itu merupakan pusat kepadatan penduduk (Sandhu & Mani, 1993:4; Morsidi, 2006/2007; dan Mohamed, 2018).

Walaupun sebilangan besar kaum India yang berhijrah ke Brunei adalah dari kalangan buruh dan jumlah yang terlibat didalam perniagaan adalah amat kecil, namun perkara yang wajar berlaku adalah terjadinya satu proses transisi, iaitu daripada buruh kepada peniaga seperti yang terjadi di Singapura. Transisi ini ada dicatatkan oleh Asad-ul Iqbal Latif (2008), dan sarjana lainnya, yang menerangkan bahawa pada pertengahan abad ke-

19 M (Masihi), masyarakat India yang sebelumnya terkenal sebagai buruh telah mula melibatkan diri mereka didalam perniagaan (Morsidi, 2006/2007; Latif, 2008; dan Mohamed, 2018).

Kebanyakan mereka terdiri daripada masyarakat India beragama Islam, yang dikenali sebagai *Chuliahs*. Seperti yang dinyatakan di awal tadi, terdapatnya kemungkinan yang keterlibatan orang India sebagai pekerja kedai atau kuli, khususnya kepada kedai-kedai orang China (Morsidi, 2006/2007; Atok, 2012; dan Azizi, 2018). Dalam konteks ini, perlu didedahkan dua perkara, iaitu: (1) *Peniaga China sebagai Satu Inspirasi Awal*; dan (2) *Penglibatan Peniaga India pada Tahun 1960-an sehingga 1970-an*.

Pertamanya, *Peniaga China sebagai Satu Inspirasi Awal*. Orang China yang datang lebih awal ke Brunei mempunyai kelebihan dari beberapa sudut, umpamanya ekonomi mereka lebih mantap, khususnya dari segi modal untuk membuka perniagaan. Kedudukan awal orang China dalam bidang perniagaan ini telah disebutkan oleh Malai Yunus Malai Yusof (2015), dan sarjana lainnya, dimana orang China dikatakan sebagai komuniti peniaga yang penting di Brunei, sebelum kedatangan orang Barat lagi (*cf* Richter, 1999; Choo, 2008; dan Yusof, 2015).

Dari sudut yang lain pula, mereka setentunya lebih arif dan mengetahui akan selok-belok hal ehwal masyarakat dan negara Brunei pada ketika itu. Terdapat catatan distribusi penduduk di Brunei seawal tahun 1906, mengenai kaum China yang cenderung kepada aktiviti perniagaan runcit. Ramai daripada orang China yang memasuki Brunei, bukanlah secara langsung dibawa dari negeri China, tetapi kebanyakan mereka adalah daripada Singapura atau pun Sarawak (John, 1981:54; Choo, 2008; dan Yusof, 2015).

Bagi kaum India, pengalaman yang diraih sebagai pembantu kedai

kepunyaan orang China khususnya, telah memberikan jalan serta membuka minat mereka untuk memulakan perniagaan sendiri. Sebagai bangsa pendatang, mereka juga mempunyai nilai-nilai baik didalam diri mereka, seperti berjimat cermat, tabah, tidak membazir, serta semangat yang tinggi untuk memperbaiki status kehidupan mereka (Morsidi, 2006/2007; Periasamy, 2007; dan Mohamed, 2018).

Secara perlahan, mereka mengumpul modal dan akhirnya berjaya membuka perniagaan. Melalui temubual pengkaji bersama seorang ahli perniagaan warga India, Awang Elango, Pengurus Syarikat A. Muthian, yang diasaskan pada tahun 1940, pengkaji dapat mengkaitkan informasi temubual dengan keterlibatan awal peniaga India di Brunei pada akhir tahun 1930-an.<sup>8</sup>

Syarikat A. Muthian telah ditubuhkan pada awal tahun 1940-an oleh ayah Awang Elango, iaitu Awang Muthian. Beliau merupakan antara warga India pertama yang telah datang ke Brunei untuk membuka perniagaan. Awang Muthian telah sampai ke Brunei atas pelawaan abang beliau, yang ketika itu baru memulakan perniagaan runcit secara kecil-kecilan. Tidak lama selepas itu, abang beliau telah meninggal dunia dan perniagaan telah diambil-alih oleh Awang Muthian (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 8).

Pada awal tahun 1940-an, hanya beliau dan seorang lagi peniaga India, iaitu Ali Marica, yang mewakili warga India menjalankan perniagaan runcit. Menurut Awang Elango lagi, terdapat juga seorang warga China yang telah membuka perniagaan tekstil pada ketika itu, iaitu Syarikat Chop Eng Leong; dan ini merupakan syarikat kepunyaan orang China yang

pertama di Brunei yang menjalankan perniagaan tekstil. Temubual ini membuktikan bahawa telah terdapat peniaga India pada akhir tahun 1930-an, iaitu abang kepada ayah Awang Elango, iaitu Awang Muthian (Morsidi, 2006/2007; Yusof, 2015; dan *ibidem* nota kaki 8).

Satu perkara yang menarik ialah abang kepada ayah beliau pernah bekerja dengan seorang peniaga China sebelum memulakan perniagaannya sendiri. Perkara ini telah membuktikan terdapatnya pengaruh peniaga China, yang mendorong masyarakat India memulakan perniagaan. Menurut beliau lagi, pada tahun 1950-an, seorang lagi warga India telah datang ke Brunei dan menjalankan perniagaan runcit, iaitu Awang C.A. Mohammad, yang kemudiannya terkenal dengan Syarikat C.A. Mohammad, sehingga sekarang (Yusof, 2015; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 8).

Menurut Awang Elango, kedai pertama ayah beliau terletak di kawasan Sumbiling Lama di Bandar Seri Begawan, iaitu merupakan sebuah kedai kecil yang diperbuat daripada kayu. Perniagaan bermula hanya tertumpu kepada rempah dan barang runcit; dan beberapa tahun seterusnya, ayahnya mula memulakan sedikit perniagaan tekstil. Perniagaan tekstil ketika itu mula bertambah baik, terutamanya apabila mereka telah berpindah ke lokasi bangunan baru, yang merupakan sebuah deretan kedai konkrit di Jalan McArthur di Bandar Seri Begawan. Kedai Awang Muthian merupakan kedai pertama milik orang India di Bandar Brunei ketika itu, yang menjalankan perniagaan tekstil (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 8).

Keduanya, *Penglibatan Peniaga India pada Tahun 1960-an sehingga 1970-an*. Pada tahun 1960-an dan 1970-an, masih belum ramai bilangan orang-orang India yang terlibat didalam perniagaan. Kebanyakan mereka masih

<sup>8</sup>Temubual bersama Awang Elango, Pengurus Syarikat A. Muthian, di Kedai A. Muthian, 10A Wisma Jaya, Jalan Pemanca, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 20 Jun 2014, jam 11.30 pagi.

berstatus pekerja, sama ada sebagai buruh ataupun bekerja di kedai-kedai milik orang-orang China dan Melayu. Oleh kerana tiada catatan khusus bagi penglibatan masyarakat India didalam perniagaan di Brunei pada ketika itu, sekali lagi pengkaji telah mengusahakan untuk menjalankan temubual dengan seorang warga tempatan.

Awang Armadani bin Md Yassin, 67 tahun, mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang sangat luas mengenai keadaan Brunei pada ketika itu. Melalui temubual pengkaji, beliau telah mengkongsikan pengalaman beliau mengenai penglibatan awal masyarakat India didalam perniagaan, yang bermula pada tahun 1960-an. Menurut Awang Armadani bin Md Yassin, tahun 1960-an hingga awal tahun 1970-an sudah ada dibangunkan kedai daripada batu yang dianggarkan berjumlah lebih 100 pintu, yang bertempat di pusat Bandar.<sup>9</sup>

Di kawasan itu terdapat juga *tamu*, yang diadakan pada hari Jumaat dan Ahad. Peniagaannya terdiri dari orang-orang tempatan yang menjual buah-buahan, beras tempatan, dan sayur-sayuran. Ketika itu, jumlah peniaga di *tamu* dianggarkan tidak melebihi 20 orang. Selain itu, terdapat juga *padian* yang menjalankan perniagaan mereka di sekitar sungai Brunei. Kawasan tumpuan *padian* yang paling ramai adalah di kawasan pulau-pulau Kampong Ayer, iaitu berhampiran dengan Kampong Saba. Barang-barang yang diperniagakan adalah seperti buah-buahan tempatan, beras, sayur-sayuran, ikan, dan kuih-muih tradisional (*cf* Bakar & Ariff, 2012; Bakar & Mail, 2016; dan *ibidem* nota kaki 9).

Peniaga-peniaga di pusat bandar pada ketika itu, kebanyakannya,

<sup>9</sup>Temubual bersama Awang Armadani bin Md Yassin, 67 tahun, Peniaga India, di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 27 Jun 2014.

terdiri daripada orang-orang China, dimana dianggarkan lebih 90 peratus perniagaan dimiliki oleh mereka. Sementara 10 peratus lagi pula dimiliki oleh orang Melayu, Arab, dan India. Menurut beliau lagi, bilangan orang India yang memiliki perniagaan sendiri adalah amat terhad. Syarikat peniaga India yang menonjol ketika itu adalah A. Muthian, Ali Maricar, dan C.A. Mohamad, yang menjalankan perniagaan runcit, restoran, dan tekstil di kawasan Bandar Brunei. Sementara itu, terdapat juga sebuah syarikat perniagaan makanan dan jahitan di daerah Tutong yang begitu popular, seperti syarikat K.K. Koya (Morsidi, 2006/2007; Yusof, 2015; dan *ibidem* nota kaki 9).

Di Bandar Brunei ketika itu terdapat juga beberapa peniaga Melayu, yang sebenarnya berasal dari Malaysia dan menjalankan perniagaan tekstil di sekitar Jalan Sultan. Deretan kedai di Kampong Sultan Lama merupakan tempat tumpuan masyarakat Brunei untuk berbelanja, terutamanya bagi penduduk Kampong Ayer. Terdapat berbagai jenis perniagaan yang dijalankan oleh peniaga China dan Melayu bagi memenuhi keperluan masyarakat ketika itu. Diantaranya adalah perniagaan runcit, kedai gunting, kedai tekstil, ubat-ubatan, dan banyak lagi (Bakar & Ariff, 2012; Yusof, 2015; dan *ibidem* nota kaki 9).

Dalam perniagaan tekstil, peniaga China akan mendapatkan bahan tekstil dari Singapura dan Malaysia; manakala bagi peniaga Melayu pula, kebanyakannya akan pergi ke Labuan, Negeri Sabah, Malaysia, untuk mendapatkan bekalan tekstil. Perbezaan ini menunjukkan bahawa peniaga China mempunyai modal dan kemampuan yang lebih besar berbanding dengan peniaga Melayu pada ketika itu (White, 2010; Yusof, 2015; dan *ibidem* nota kaki 9).

Orang-orang India banyak bekerja sebagai pembantu kedai, sama ada



milik orang China mahupun Melayu. Di daerah Tutong, pada tahun 1970-an, seorang peniaga Melayu, iaitu Raden Mas Basiuni, merupakan salah seorang peniaga yang begitu berjaya pada ketika itu. Beliau menjalankan perniagaan menjahit pakaian yang disalurkan kepada jabatan-jabatan kerajaan, terutamanya pasukan ber-*uniform*. Pekerja beliau terdiri daripada orang-orang India, yang bertugas sebagai tukang jahit (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 9).

Setelah beberapa tahun, pekerja India ini telah memberanikan diri untuk membuka perniagaan sendiri, iaitu dalam bidang *dobi* secara kecil-kecilan. Perniagaan dijalankan didalam primis kawasan penginapan mereka, yang juga disediakan oleh majikan. Kemungkinan besar mereka menjalankan perniagaan dibawah lesen majikan mereka sendiri. Di sini menunjukkan bahawa telah bermulanya perubahan status orang India pada tahun 1970-an (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 9).

**Hubungan Tekstil dengan Masyarakat Brunei pada Tahap Awal dan Masyarakat India Selanjutnya di Brunei.** Menyentuh mengenai hubungan tekstil dengan masyarakat Brunei, pada tahun 1960-an sehingga tahun 1970-an, bukanlah seperti sekarang. Awang Armadani bin Md Yassin turut mengongsikan pengalaman beliau dimana apabila tiba Hari Raya, kedai yang paling menjadi tumpuan masyarakat Brunei pada ketika itu bukanlah kedai tekstil atau pun kedai jahit, akan tetapi kedai gunting atau lebih tepat kedai kerinting rambut (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 9).

Keadaan pada ketika itu berbeza dengan sekarang, dimana belum ramai wanita Melayu yang menggunakan tudung. Ini menunjukkan bahawa kefahaman serta pegangan mengenai

kewajiban wanita untuk menutup aurat ketika itu adalah belum kukuh. Perkara ini dikuatkan oleh Siti Noorkhalbi binti Haji Wahsalfelah (2007), dan sarjana lain, yang menyatakan bahawa pada tahap awal kedatangan agama Islam ke Brunei, pendedahan awal mengenainya lebih mengutamakan dalam soal-soal akidah berbanding amalan cara hidup yang lengkap (Wahsalfelah, 2007; Ghofur, 2015; dan Fadhly, 2018).

Kaum lelaki pula lebih gemar menempah baju kemeja daripada baju Melayu bagi persiapan Hari Raya. Kedai jahit ketika itu dimiliki oleh orang China; dan mereka sendiri adalah berperanan sebagai tukang jahit bagi pakaian lelaki dan wanita. Orang Melayu pula menjalankan perniagaan menjahit dari rumah, dan kosnya serta harganya setentunya lebih murah daripada di kedai. Senario ini juga menunjukkan bahawa penglibatan orang India sebagai tukang jahit pada ketika itu adalah sangat terhad (Wahsalfelah, 2007; Yusof, 2015; dan *ibidem* nota kaki 9).

Dalam konteks ini perlu didedahkan dua perkara, iaitu: (1) *Perkembangan Awal Perniagaan Tekstil di Brunei dan Hubungannya dengan Peniaga India*; serta (2) *Kebangkitan Peniaga India dan Pertumbuhan Syarikat Tekstil di Brunei*.

Pertamanya, *Perkembangan Awal Perniagaan Tekstil di Brunei dan Hubungannya dengan Peniaga India*. Walaupun Syarikat A. Muthian merupakan kedai tekstil yang pertama, namun kemunculan syarikat *First Metro*, pada awal tahun 1970-an, adalah satu revolusi dalam perniagaan tekstil di Brunei. Kedai yang terletak di kawasan Batu Satu, Jalan Tutong ini, dimiliki oleh Awang Samthani, seorang warga India yang dilahirkan di Brunei (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 9).

Keistimewaan kedai ini, selain daripada kelebihanannya dari segi saiz, ianya juga menyediakan lebih

banyak pilihan tekstil untuk lelaki dan perempuan. Ini juga termasuk aksesori lain, seperti butang baju Melayu, kerongsang, kain samping atau *sinjang*,<sup>10</sup> dan songkok. Kedai ini telah menjadi tumpuan utama masyarakat Brunei dari seluruh daerah untuk mendapatkan bahan tekstil kesukaan mereka, selain baju Melayu dan baju kurung yang telah siap sedia untuk dipakai (Wahsalfelah, 2005 dan 2007; Insani, 2018; dan Kurnia, 2019).

Tahun 1980-an merupakan satu era baru didalam berpakaian di Brunei, dimana pemakaian baju kebangsaan, seperti baju kebaya, baju kurung, dan baju Melayu, menjadi semakin popular di kalangan masyarakat Brunei. Fenomena ini telah bertambah kukuh lagi apabila Brunei mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984, dimana KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan rasminya mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara MIB atau Melayu Islam Beraja (Wahsalfelah, 2005 dan 2007; Al-Sufri, 2008; dan Duraman, 2016).

Sebagai sebuah negara dan bangsa yang berpegang kepada falsafah ini, setentunya, telah mewujudkan rasa tanggung jawab dalam menanai budaya tradisi, termasuk dalam aspek berpakaian. Secara sedar atau pun tidak, transformasi berpakaian telah terjadi dan setentunya permintaan terhadap tekstil juga turut meningkat. Keadaan ini telah menambah kejayaan syarikat tekstil, seperti *First Metro*; dan kejayaan ini juga telah memberikan inspirasi kepada beberapa warga India yang lain untuk mencuba nasib dalam perniagaan tekstil (Wahsalfelah, 2005 dan 2007; Morsidi, 2006/2007; Al-Sufri, 2008; dan Duraman, 2016; dan

<sup>10</sup>*Sinjang*, atau kain samping, adalah merupakan satu komponen pelengkap pakaian tradisional Melayu. *Sinjang* biasanya diperbuat daripada kain songket, yang mempunyai pelbagai corak dan warna. Dan pemilihan warna *sinjang* akan disesuaikan dengan warna baju Melayu yang dipakai.

Mohamed, 2018).

Salah seorang ahli perniagaan India yang sangat berjaya didalam bidang tekstil di Brunei ialah Awang Nazeer Ahmad Zakaria, iaitu pemilik rangkaian kedai *Nazmi the Textile Mall*. Memulakan kerjaya sebagai juru-jual di salah sebuah kedai kain di Bandar Seri Begawan sekitar tahun 1970-an, menimba pengalaman dan tunjuk-ajar dari majikan, telah mendorong Awang Nazeer Ahmad Zakaria untuk membuka perniagaan sendiri sekitar tahun 1990-an.<sup>11</sup>

Kisah kejayaan beliau merupakan salah satu cerita kejayaan orang India, yang mengubah status mereka daripada pekerja kepada majikan. Dengan berbekalkan pengalaman, ketabahan, serta sikap hemat, akhirnya berjaya menyimpan sejumlah wang untuk digunakan sebagai modal perniagaan. Awang Nazeer Ahmad Zakaria bermula dengan modal sebanyak 5,000 BND (lima ribu Dollar Brunei) untuk memulakan perniagaan tekstil beliau. Ketabahan serta kegigihan beliau telah membuka pintu kejayaan baginya dalam bidang perniagaan tekstil, dimana sehingga kini syarikat *Nazmi the Textile Mall* sudah mempunyai 11 buah cawangan di seluruh negara (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 9).

Seorang lagi peniaga India yang turut mewarnai gelanggang perniagaan tekstil di Brunei adalah Awang Ramesh Jiwatram Bhawani, yang juga mempunyai cerita kejayaan beliau sendiri. Awang Ramesh Jiwatram Bhawani, yang datang ke Brunei pada awal tahun 1980-an, telah bekerja di salah sebuah kedai permaidani yang terkemuka di Brunei. Beliau menyimpan cita-cita besar untuk menjalankan perniagaan sendiri. Hari-hari beliau dilalui dengan perancangan kewangan yang penuh disiplin, sehinggakan demi berjimat, beliau

<sup>11</sup>Lihat *RTB Ecomomy News*, pada 15 April 2008.

cuma memakan satu keping roti sehari dan meminum air kosong.<sup>12</sup>

Gaji yang dikumpul akhirnya mencukupi untuk memulakan perniagaan sendiri, dimana pada pertengahan tahun 1980-an, Awang Ramesh Jiwatram Bhawani telah berjaya membuka sebuah kedai yang terletak di Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan. Penglibatan yang bermula sebagai pengimport pakaian secara *wholesale* dari India dan Indonesia, berkembang kepada pengimport barangan elektrik, sehingga berjaya menjadi pengimport terbesar di Brunei bagi barangan elektrik pada penghujung tahun 1980-an (Morsidi, 2006/2007; Mohamed, 2018; dan *ibidem* nota kaki 9).

Tahun 1990-an, Awang Ramesh Jiwatram Bhawani terus mengembangkan sayap dengan membuka cawangan di Darussalam Kompleks, Jalan Sultan. Pertengahan tahun 1990-an, beliau membuka kedai ketiga di Wisma Jaya Kompleks, juga di Bandar Seri Begawan; dan seterusnya cawangan keempat di Delima Jaya Serusop. Peralihan kepada perniagaan tekstil bermula pada tahun 2004, apabila Awang Ramesh Jiwatram Bhawani telah membuka bangunan beliau sendiri, iaitu Galleria YMRM (*Yet More Rudolf Madness*) di Tungku Link, Gadong; dan Galeria YMRM II telah dibuka pada bulan March tahun 2008.<sup>13</sup>

Keduanya, *Kebangkitan Peniaga India dan Pertumbuhan Syarikat Tekstil di Brunei*. Setelah tahun 2000, fenomena kemunculan peniaga India begitu ketara di Brunei. Perkara ini berhubung-kait dengan kemunculan sebuah kawasan perniagaan baru di kampung Serusop, iaitu kompleks Delima Jaya. Ianya seolah-olah jelmaan Masjid India di Kuala Lumpur, dimana hampir 80 peratus daripada pintu-pintu kedai di kompleks Serusop dipunyai oleh peniaga India (Morsidi,

2006/2007; Ibrahim, 2019; dan *ibidem* nota kaki 9).

Peniaga India yang sebelumnya tertumpu kepada hanya beberapa jenis perniagaan, seperti kedai runcit, kedai gunting, dan kedai *dobi*, telah berkembang kepada hampir semua jenis perniagaan, seperti elektrik, bahan-bahan binaan, mainan, dan sebagainya. Di kawasan inilah juga terletak gedung pertama syarikat Nazmi yang terbesar, iaitu *Nazmi the Textile Mall* dan cawangan utama Syarikat YMRM (Sulaiman, 2017; dan *ibidem* nota kaki 9).<sup>14</sup>

## KESIMPULAN

Kedatangan masyarakat India ke Brunei telah mula dicatatkan sejurus sahaja pihak British menjadikan negara ini sebagai salah sebuah negara naungannya. Walaupun kebanyakan mereka adalah buruh-buruh upahan British, namun terdapat juga sebilangan daripada mereka berkhidmat sebagai pengawal keselamatan. Penghujung tahun 1930-an telah mula terdapat masyarakat India yang terlibat didalam perniagaan.

Penglibatan dalam perniagaan terus berkembang, sehingga pada tahun-tahun berikutnya menunjukkan peningkatan bilangan golongan peniaga India di Brunei. Peningkatan ini bukan hanya dari segi jumlah peniaga, malah dari kepelbagaian jenis perniagaan.

Diantara banyak bidang perniagaan yang diceburi, perniagaan tekstil merupakan salah satu perniagaan yang banyak melibatkan peniaga India. Kemajuan yang dicapai oleh syarikat-

<sup>14</sup>Lihat pula, contohnya, "Senarai Peserta (Syarikat: Premis) Jualan Aneka Brunei (Jab) 2019 Mengikut Kategori". Wujud secara online di: [http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/Cheap%20sales/JAB2019/Senarai\\_Sykt\\_Cwgan\\_Kategori\\_2019.pdf](http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/Cheap%20sales/JAB2019/Senarai_Sykt_Cwgan_Kategori_2019.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Januari 2020]; dan "Brunei Salebration 2018/2019: 1<sup>st</sup> December 2018 – 13<sup>th</sup> February 2019". Wujud secara online di: [http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/BSB/Bsb2018/BSb2018\\_2019Participants.pdf](http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/BSB/Bsb2018/BSb2018_2019Participants.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Januari 2020].

<sup>12</sup>Lihat *Brunei Times*, pada 28 April 2008.

<sup>13</sup>Lihat *Brunei Times*, pada 26 Januari 2008.



syarikat, seperti *First Metro*, Nazmi, dan YMRM (*Yet More Rudolf Madness*) memperlihatkan kemampuan peniaga India dalam menguasai perniagaan tekstil di Negara Brunei Darussalam.<sup>15</sup>

## Referensi

- Abernethy, David. (2000). *The Dynamics of Global Dominance: European Overseas Empires, 1415-1980*. Yale: Yale University Press.
- Al-Sufri, Awang Mohd Jamil. (2008). *Melayu Islam Beraja: Hakikat dan Hasrat*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Appiah, K.A. (2006). *Cosmopolitanism: Ethics in a World of Strangers*. New York: W.W. Norton and Co.
- Arif, Bahriyatul. (2011). "Protektorasi Inggris terhadap Kesultanan Brunei Darussalam Tahun 1888". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Jakarta: Jurusan Sejarah dan Peradaban Islam, Fakultas Adab dan Humaniora UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/5138/1/BAHRIYATUL%20ARIF-FAH.PDF> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Ogos 2019].
- Atok, K. (2012). "Hegemoni Etnik di Kalimantan Barat". Wujud secara online di: <http://kristianusatok.blogspot.com/2012/03/hegemoni-etnik-di-kalimantan-barat.html> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 17 Ogos 2019].
- Augier, F.R., S.C. Gordon & D.G. Hall. (1979). *The Making of West Indies*. London: Longman Publishing Group.
- Azizi, Naufal. (2018). "Kebijakan Diaspora India di Asia Tenggara: Corak Strategi Ekonomi dalam Ikatan Identitas Budaya" dalam *PARADIGMA: Jurnal Kajian Budaya*, ms.36-52.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu & Mohammad Raduan Mohd Ariff. (2012). "Dari Padian ke Tamu Kianggeh: Perubahan Corak Perniagaan Peniaga-peniaga Kecil di Bandar Seri Begawan, Brunei" dalam *Borneo Research Journal*, Volume 6 [December], pp.18-38. Wujud secara online pula di: <https://borneojournal.um.edu.my/article/view/9842> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 17 Ogos 2019].
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu & Haji Awang Asbol bin Haji Mail. (2016). "To Live on Water: Life Style of the Kampong Ayer Community during the British Residency Period, 1906-1941" in Ooi Keat Gin [ed]. *Brunei: History, Islam, Society, and Contemporary Issues*. London and New York: Routledge.
- Bakar, Nani Suryani binti Haji Abu. (2018). "A Historical Overview of Brunei's Economy Before the Discovery of Oil and Some Subsequent Issues". Available online at: [https://www.researchgate.net/publication/325263420\\_A\\_Historical\\_Overview\\_of\\_Brunei's\\_Economy\\_before\\_the\\_Discovery\\_of\\_Oil\\_and\\_Some\\_Subsequent\\_Issues](https://www.researchgate.net/publication/325263420_A_Historical_Overview_of_Brunei's_Economy_before_the_Discovery_of_Oil_and_Some_Subsequent_Issues) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 10 Ogos 2019].
- "BAR: Brunei Annual Report, 1934-1937". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1953-1958". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1954". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis, ms.5-7.
- Basa, K.K. (1998). "Indian Writings on Early History and Archaeology of Southeast Asia: A Historiographical Analysis" in *Journal of the Royal Asiatic Society*, Vol.8, No.3 [November], pp.395-410.
- Blundell, Peter. (1923). *The City of Many Waters*. Michigan: J.W. Arrow Smith Limited.
- "Brunei Salebration 2018/2019: 1<sup>st</sup> December 2018 – 13<sup>th</sup> February 2019". Wujud secara online di: [http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/BSB/Bsb2018/BSb2018\\_2019Participants.pdf](http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/BSB/Bsb2018/BSb2018_2019Participants.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Januari 2020].
- Brunei Times*, pada 26 Januari 2008.
- Brunei Times*, pada 28 April 2008.
- Caney, S. (2010). "Cosmopolitanism" in Duncan Bell [ed]. *Ethics and World Politics*. Oxford: Oxford University Press.
- Choo, Lee Teck. (2008). "Perkembangan Sosio-Ekonomi dan Politik dalam Kalangan Orang Cina di Daerah Bau dan Bandar Kuching Sejak 1840 hingga 1947". *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Wujud secara online pula di: [http://eprints.usm.my/10420/1/PERKEMBANGAN\\_SOSIOEKONOMI\\_DAN\\_POLITIK\\_DALAM\\_KALANGAN\\_ORANG\\_CINA.pdf](http://eprints.usm.my/10420/1/PERKEMBANGAN_SOSIOEKONOMI_DAN_POLITIK_DALAM_KALANGAN_ORANG_CINA.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 17 Ogos 2019].



- Coedes, George. (1968). *The Indianized States of Southeast Asia*. USA [United States of America]: University of Hawaii Press, edited by Walter F. Vella and translated by Susan Brown Cowing.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.
- Duraman, Haji Sulaiman bin Haji. (2016). *Melayu Islam Beraja: Satu Interpretasi*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, dan Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan.
- Fadhly, Fabian. (2018). "Pemahaman Keagamaan Islam di Asia Tenggara Abad XIII-XX" dalam *MILLAH: Jurnal Studi Agama*, Vol.18, No.1, ms.51-78.
- Ghofur, Abd. (2015). "Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni], ms.53-69. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/40376-ID-islam-dan-politik-di-brunei-darussalam-suatu-tinjauan-sosio-historis.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 10 Ogos 2019].
- Haryanto, Samsi. (2011). *Metode Wawancara dalam Penelitian Sejarah: Studi Non-Dokumenter*. Surakarta, Indonesia: UNS [Universitas Sebelas Maret] Press.
- Hays, Jeffrey. (2015). "History of Oil and Natural Gas in Brunei" in *Facts and Details*. Available online also at: [http://factsanddetails.com/southeast-asia/Brunei/sub5\\_10c/entry-3177.html](http://factsanddetails.com/southeast-asia/Brunei/sub5_10c/entry-3177.html) [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: August 10, 2019].
- Heine-Geldern, Robert. (1982). *Konsepsi tentang Negara & Kedudukan Raja di Asia Tenggara*. Jakarta: Rajawali Pers, Terjemahan.
- Held, David & Anthony McGrew. (1995). *Global Transformations: Politics, Economics, and Culture*. United Kingdom: Blackwell Publishers, Ltd.
- Horton, A.V.M. (1984). "The British Residency in Brunei, 1906-1959" in *Center for Southeast Asian Studies: Occasional Paper*, No.6. Published by University of Hull.
- Howell, Martha & Walter Prevenier. (2001). *From Reliable Sources: An Introduction to Historical Methods*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Hussainmiya, Bachamiya Abdul. (2006). *Brunei Revival of 1906: A Popular History*. Bandar Seri Begawan: Brunei Press Sdn Bhd. Wujud secara online pula di: <http://fass.ubd.edu.bn/staff/docs/BAH/revival.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Ogos 2019].
- Ibrahim, Dk Vivi Malessa Pg. (2019). "Ekonomi Brunei Paling Meningkatkan" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada 31 Oktober. Wujud secara online pula di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=13051> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Januari 2020].
- Indradjaja, A. & E.S. Hardiati. (2014). "Awal Pengaruh Hindu Buddha di Nusantara" dalam *KALPATARU: Majalah Arkeologi*, Vol.23, No.1 [Mei], ms.17-34.
- Insani, Selfa Nur. (2018). "Baju Kurung sebagai Pakaian Adat Suku Melayu di Malaysia". *Makalah* untuk Foreign Case Study di Sekolah Tinggi Pariwisata Ambarrukmo, Yogyakarta, Indonesia.
- John, F. Chin. (1981). *The Sarawak Chinese*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jones, L.W. (1966). *The Population of Borneo: A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah, and Brunei*. London: University of London.
- Kamis, Abdul Malik & Thirunaukarasu Subramaniam. (2016). "Sejarah Ekonomi Negara Brunei Darussalam" dalam *JATI*, Volume 21 [Disember].
- Karim, A.H.M. Zehadul. (1999). *Foreign Workers in Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Kurnia, Alfa. (2019). "Panduan Menghadiri Resepsi Pernikahan Adat Melayu di Brunei" dalam *Pojok Mungil*, pada 6 November. Wujud secara online pula di: <https://pojokmungil.com/panduan-menghadiri-pernikahan-adat-melayu-di-brunei/> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 10 Januari 2020].
- Latif, Asad-ul Iqbal. (2008). *India in the Making of Singapore*. Singapore: Singapore Indian Association.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2008). "Institusi Wazir, Ceteria, dan Menteri pada Abad ke-19: Struktur dan Kuasa Elite dalam Pentadbiran di Kesultanan Melayu Brunei" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 1(1), Mei, ms.79-114.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Haji Mohsin bin Abu Bakar. (2018). *Politik Kesultanan Brunei, 1804-1906: Mengharung Badai, Rahmat di Pantai*. Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei.
- Mohamed, Noralipah binte. (2000/2001). "Pekerja Asing di Negara Brunei Darussalam: Kes Kajian Pekerja Filipina". *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Mohamed, Noralipah binti Haji. (2018). "Perkembangan Kedatangan Pekerja Asing ke Brunei di Zaman Residen, 1906-1983". Wujud secara online di: [http://www.bruneiresources.com/pdf/nd06\\_noralipah.pdf](http://www.bruneiresources.com/pdf/nd06_noralipah.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 10 Ogos 2019].

- Morsidi, Siti Nur 'Afifah binti Haji Awang. (2006/2007). "Pekerja Asing di Negara Brunei Darussalam: Kes Kajian Pekerja India". *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Najtama, Fikria. (2018). "Perkembangan Islam di Brunei" dalam *TASAMUH: Jurnal Studi Islam*, Vol.10, No.2 [September], ms.407-421.
- Periasamy, Makeswary. (2007). "Indian Migration into Malaya and Singapore during the British Period" in *Biblio Asia*, Vol.3, No.3, pp.4-11.
- Rabbani, Mohammad Ali. (2013). "Mediasi India dalam Perpindahan dan Penyebaran Kultur dan Peradaban Persia: Islamisasi di Asia Tenggara" dalam *Media Syariah*, Vol.XV, No.1 [Januari-Juni], ms.69-88. Wujud secara online pula di: <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/medsyar/article/viewFile/1765/1308> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Ogos 2019].
- Rahman, Abd Karim bin Hj Abd. (2008). *Keruntuhan Empayer Brunei Kurun ke-19: Satu Kajian dari Sudut Ekonomi*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
- Rahman, Haji Abdul Karim bin Haji Abdul. (2016). "Sejarah Pengasasan dan Asal Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Wujud secara online pula di: <http://studentsrepo.um.edu.my/6454/4/abdulkarim.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Ogos 2019].
- Ramasamy, P. (1991). "Pergerakan Buruh Ladang: Satu Tinjauan Sejarah" dalam *Akademika*, Volume 38 [Januari], ms.73-86.
- Rao, K.P. (2001). "Early Trade and Contacts between South India and Southeast Asia (300 B.C. – A.D. 200)" in *East and West*, Vol.51, No.3/4 [December], pp.385-394.
- Rengasamey, Pushpavalli A. & Sivachandralingam Sundara Raja. (2012). "Peranan dan Perkembangan Tabung Imigrasi Tamil di Tanah Melayu, 1907-1938" dalam *SARJANA*, Vol.27, No.2 [December], ms.38-49.
- Richter, Frank-Jürgen. (1999). "Overseas Chinese and Overseas Indian Business Networks" in Frank-Jürgen Richter [ed]. *Business Networks in Asia: Promises, Doubts, and Perspectives*. USA [United States of America]: Greenwood.
- Robbins, B. (1998). "Comparative Cosmopolitanisms" in P. Cheah & B. Robbins [eds]. *Cosmopolitics: Thinking and Feeling Beyond the Nation*. Minneapolis and London: University of Minnesota Press.
- RTB Economy News*, pada 15 April 2008.
- Sandhu, K.S. & A. Mani. (1993). *Indian Communities in South East Asia*. Singapore: ISEAS [Institute of South East Asian Studies] and Times Academic Press.
- Sathivel, Vanaja. (2008). "Perkembangan Kesihatan Buruh India di Estet-estet di Negeri Kedah, 1910-1945". *Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM [Universiti Sains Malaysia]. Wujud secara online pula di: [http://eprints.usm.my/36443/1/VANAJA\\_SATHIVEL\\_%28KHK%29\\_%28NN24%29.pdf](http://eprints.usm.my/36443/1/VANAJA_SATHIVEL_%28KHK%29_%28NN24%29.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 10 Ogos 2019].
- Saunders, Graham E. (2002). *A History of Brunei*. London: Routledge.
- "Senarai Peserta (Syarikat: Premis) Jualan Aneka Brunei (Jab) 2019 Mengikut Kategori". Wujud secara online di: [http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/Cheap%20sales/JAB2019/Senarai\\_Sykt\\_Cwgan\\_Kategori\\_2019.pdf](http://www.deps.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/Cheap%20sales/JAB2019/Senarai_Sykt_Cwgan_Kategori_2019.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3 Januari 2020].
- Sidhu, Jatswan S. (1995). *Sejarah Sosio-Ekonomi Brunei, 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singh, D.S. Ranjit *et al.* (1997). *History Dictionary of Brunei Darussalam*. London: The Scarerow Press, Inc.
- Smith, Monica L. (1999). "Indianization from the Indian Point of View: Trade and Cultural Contacts with Southeast Asia in the Early First Millennium Century" in *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, Volume 42, pp.1-26.
- "State of Brunei Annual Report 1955". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- Sulaiman, Hajah Siti Zuraihah bt Haji Awang. (2017). "Cawangan ke-11: Nazmi Textile Mall Dirasmikan" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada 24 November. Wujud secara online pula di: <http://www.kkbs.gov.bn/Lists/News/NDispForm.aspx?ID=46> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 31 Ogos 2019].
- Temubual bersama Awang Elango, Pengurus Syarikat A. Muthian, di Kedai A. Muthian, 10A Wisma Jaya, Jalan Pemanca, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 20 Jun 2014, jam 11.30 pagi.
- Temubual bersama Awang Armadani bin Md Yassin, 67 tahun, Peniaga India, di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 27 Jun 2014.
- Wahsalfelah, Siti Noorkhalbi binti Haji. (2005). "Traditional Woven Textiles: Tradition and Identity Construction in the 'New State' of Brunei Darussalam". *Unpublished Ph.D. Thesis*. Australia: School of Social and Cultural Studies, the University of

- Western Australia. Available online also at: <http://apb.ubd.edu.bn/wp-content/uploads/2016/09/Tradition-and-Identity-Construction.pdf> [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: August 24, 2019].
- Wahsalfelah, Siti Noorkhalbi binti Haji. (2007). *Textile and Identity in Brunei Darussalam*. Thailand: White Lotus.
- White, Nicholas J. (2010). *Perniagaan British di Malaysia Pasca Penjajah, 1957-1970: Neokolonialisme atau Pengunduran?* Kuala Lumpur: Pustaka Perdana, terjemahan Shakila Parween Yacob. Wujud secara online pula di: [http://lib.perdana.org.my/PLF/PLF2/Digital\\_Content/PLF/000013/OCRed/1008524.pdf](http://lib.perdana.org.my/PLF/PLF2/Digital_Content/PLF/000013/OCRed/1008524.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 17 Ogos 2019].
- Yusof, Malai Yunus Malai. (2015). "Pengaruh Persepsi dalam Pencapaian Peniaga Cina di Negara Brunei Darussalam" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.2(2), Maret, ms.113-128.
- Zainun, Nazarudin & Nasha Rodziani Khaw [eds]. (2015). *Perdagangan Dunia Melayu-China hingga Kurun ke-16 Masihi: Satu Tinjauan Sejarah dan Arkeologi*. Pulau Pinang: USM [Universiti Sains Malaysia] Press.
- Zed, Mestika. (2004). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].



**Peniaga India di Brunei Darussalam**  
(Sumber: <http://mastermedia.co.id>, 3/1/2020)

Setelah tahun 2000, fenomena kemunculan peniaga India begitu ketara di Brunei. Perkara ini berhubung-kait dengan kemunculan sebuah kawasan perniagaan baru di kampung Serusop, iaitu kompleks Delima Jaya. Ianya seolah-olah jelmaan Masjid India di Kuala Lumpur, dimana hampir 80 peratus daripada pintu-pintu kedai di kompleks Serusop dipunyai oleh peniaga India.